

03 SEP 1996  
Mahathir-UMNO  
MT BINCANG DAKWAAN SALAH LAKU CALON NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO akan membincangkan dakwaan kononnya ada calon naib presiden parti terbabit dengan amalan politik wang menjelang pemilihan Oktober ini walaupun Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin mendapati mereka bersih daripada dakwaan itu.

Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sekiranya perlu, mereka yang didakwa terlibat akan diminta supaya tidak menghadiri mesyuarat sewaktu perkara itu dibincangkan.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) di Cheras di sini. Beliau telah ditanya mengenai dakwaan kononnya calon berkenaan didapati bersih kerana mereka juga menganggotai jawatankuasa itu.

Apabila ditanya sama ada calon-calon naib presiden parti belum benar-benar bersih daripada dakwaan terlibat dengan politik wang, beliau berkata: "Setakat ini kita anggap mereka bersih. Kita anggap seseorang itu bersih sebelum dia didapati kotor".

Ketika menjawab soalan sama ada perlu diwujudkan sebuah jawatankuasa khas bagi menangani dakwaan salah laku itu, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu kerana, menurutnya, jawatankuasa berasingan pun boleh terlibat sama.

Pada 27 Ogos lepas Timbalan Presiden Datuk Deri Anwar Ibrahim berkata tidak ada calon naib Presiden yang diberikan surat tunjuk sebab berkaitan larangan kempen untuk pemilihan parti walaupun ada beberapa masalah dibangkitkan terhadap mereka.

Dr Mahathir berkata: "Yang boleh membuat keputusan ialah perwakilan dan kalau perwakilan berpendapat orang itu salah, dia tidak payah diundi walaupun bertanding.

"Kita berusaha melalui MT yang bersidang Jumaat ini kerana tanggungjawab itu perlu diserahkan kepada sesuatu kumpulan dan kumpulan yang terbaik sekali ialah MT."

Mengenai dakwaan adanya orang yang bukan anggota UMNO tersenarai sebagai anggota perwakilan ke perhimpunan agung Oktober ini, Dr Mahathir berkata tidak mungkin bukan anggota mendapat tempat dalam kepimpinan UMNO.

Bagaimanapun katanya, sekiranya ada, ia akan dikeluarkan.

Menyentuh tentang sumbangan PPP dalam Barisan Nasional (BN), beliau berkata mana-mana parti komponen yang mendapat sokongan rakyat akan diberi pertimbangan yang wajar.

Beliau berkata sejak akhir-akhir ini PPP tidak bermaya tetapi kini mendapat sokongan padu dan begitu bersemangat.

Ditanya mengenai kemungkinan wakil PPP akan diberi jawatan dalam kerajaan, Dr Mahathir berkata, perkara itu akan dipertimbangkan mengikut keadaan kerana "banyak yang hendakkan jawatan dalam kerajaan tetapi yang penting ialah sokongan kepada BN."

Mengenai kejayaan PPP menangani masalah mereka, beliau berkata, tabiat pergi ke mahkamah untuk mendapat sokongan tidak perlu kerana parti politik bukan bergantung kepada keputusan mahkamah tetapi sokongan rakyat.

"Parti politik bergantung kepada sokongan rakyat...kalau rakyat sokong dia hidup, walaupun kita kata dia tidak sah tetapi sokongan ada, dia masih wujud walaupun tidak secara sah," katanya.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik ketika diminta mengulas ucapan Dr Mahathir pada majlis perasmian perhimpunan agung itu, berkata cara BN yang mengamalkan musyawarah dalam menyelesaikan masalah dalaman

merupakan sesuatu yang sangat baik.

Cara itu menyenangkan semua anggota parti komponennya dan menjadi  
tunggak kejayaan BN. -- BERNAMA

ZAB NHD NMO